

Kursus Penganjuran Aktiviti Pelajar dan Pengacaraan Majlis

UB 1.3.2018 B2

JABATAN Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya mengadakan Kursus Penganjuran Aktiviti Pelajar dan Pengacaraan Majlis pada 24 Februari (Sabtu) bertempat di Bilik Seminar, JHEP, UMS.

Kursus yang disertai 75 mahasiswa dan mahasiswi ini dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Pelajar, JHEP, UMS. Peserta kursus terdiri daripada mahasiswa UMS yang diwakili oleh beberapa Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), exco-exco Jakmas, sekretariat, kelab dan persatuan dibawah HEP. Antara objektif kursus

ini adalah untuk melatih pelajar kaedah perancangan terbaik sebelum melaksanakan sesuatu aktiviti atau program, memberikan pendedahan awal berhubung persiapan dan langkah-langkah perlu dalam melaksanakan sesuatu aktiviti atau program.

Selain itu, bagi melatih peserta untuk menggunakan kaedah yang betul dalam pengacaraan dan pelaksanaan sesuatu majlis atau program.

Ia juga bagi meningkatkan kemahiran peserta dalam pengurusan aktiviti pelajar serta kemahiran dalam

pengacaraan majlis dan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran berhubung pengacaraan dalam kepelbagaiannya majlis dan tetamu yang hadir.

Menurut Timbalan Naib Canselor (HEPA) Prof Dr Ismail Ali, pengetahuan terhadap elemen protokol yang utama seperti *seating arrangement*, panggilan hormat serta susunan keutamaan tetamu majlis sangat penting diketahui.

Ini adalah disebabkan pengacara akan berhadapan dengan ramai VVIP. Kemahiran terhadap elemen pengurusan majlis juga sangat penting. Ini kerana semasa majlis,



PESERTA Kursus Penganjuran Aktiviti Pelajar dan Pengacaraan Majlis merakam gambar selepas majlis itu.

pengacara menjadi teraju utama (*running the show*).

Kemahiran dan kredibiliti seorang pengacara majlis akan menjadi

menjadi tunggak kepada kesempurnaan sesebuah majlis.

Melalui pelaksanaan kursus ini diharap akan

memberikan pengetahuan yang berguna kepada semua peserta di dalam persiapan rapi sebelum menganjurkan sesuatu program.

Ceramah kursus disampaikan oleh Penolong Pegawai Tadbir Kanan, JHEP, UMS Awang Nasip Yonos.